

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(A)54

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

54. Apakah Kerajaan Negeri akan meneruskan segala perancangan pemajuan negeri?
- (a) Sejauh manakah Belanjawan 2020 yang telah dibentangkan sebelum ini dapat dilaksanakan?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

54. Kerajaan Negeri sememangnya komited untuk melaksanakan belanjawan pembangunan tahun 2020 bertajuk “Penang2030 Teras Kejayaan Kemakmuran Bersama” yang telah dibentangkan pada 1 November 2019. Namun begitu, krisis penularan wabak COVID-19 yang melanda dunia telah menyebabkan berlakunya perubahan dalam landskap ekonomi yang memerlukan penyusunan semula pengurusan perbelanjaan pembangunan yang telah dirancang bagi tahun 2020.

Sehubungan itu, perancangan pembangunan Kerajaan Negeri akan diselaraskan dengan agenda Penang Lawan COVID-19 yang memfokuskan keutamaan menjaga kebajikan rakyat dan memangkin ekonomi negeri supaya kembali pulih serta terus berkembang. Justeru itu, pendekatan pelaksanaan perancangan pembangunan tahun 2020 yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-

- (i) Projek/program yang sudah bermula akan terus dilaksanakan terutamanya bagi projek-projek yang dikategorikan berimpak tinggi;
- (ii) Projek/program yang belum ditawarkan akan disemak semula keperluan pelaksanaannya dalam tahun semasa atau dibawa ke tahun hadapan untuk dilaksanakan; dan
- (iii) Penjimatan daripada projek/program ini akan digunakan bagi melaksanakan program-program bantuan kepada masyarakat yang terkesan akibat wabak COVID-19.

- (a) Sebagai makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM269,342,475.00 untuk belanjawan pembangunan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2020. Sehingga 31 Mac 2020, prestasi perbelanjaan pembangunan adalah sebanyak RM23,960,895.96 atau 8.9%.